

Nazri: Panel Parlimen akan syor akta pilihan raya baru
The Malaysian Insider
17 Ogos, 2011
Oleh Melissa Chi dan Lisa J. Ariffin

KUALA LUMPUR, 17 Ogos — Jawatankuasa pilihan khas Parlimen akan melihat kemungkinan menggubal undang-undang baru bagi memastikan sistem pilihan raya yang adil, bersih dan demokratik — untuk digunakan pada pilihan raya umum ke-13, kata Datuk Seri Nazri Aziz.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengumumkan pembentukan jawatankuasa itu kelmarin.

“Jawatankuasa pilihan khas akan merangka satu laporan mengenai isu-isu pilihan raya, disusuli dengan perbincangan bersama Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk mencapai beberapa rumusan.

“Rumusan akan dihantar ke Jabatan Peguam Negara untuk penelitian sebelum diluluskan oleh Kabinet,” kata beliau dipetik akhbar Sin Chew Daily hari ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata Kabinet dalam mesyuaratnya hari ini akan membincangkan pembentukan jawatankuasa ini, terma rujukan dan keanggotaan wakil Barisan Nasional.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/nazri-panel-parlimen-akan-syor-akta-pilihan-raya-baru/>